

# Merealisasikan perpaduan tulen

BH- 13/7/2007

## Agihan ekonomi secara adil berkesan hakis prasangka antara kaum



**Meniti  
Arus**

Bersama

**Abdul Rahman Sulaiman**

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa beliau akan terus menjadikan perpaduan sebagai teras pembangunan negara untuk mengekalkan keamanan serta mewujudkan bangsa yang maju dan berjaya.

Katanya, isu perpaduan sentiasa menjadi keutamaan bukan saja oleh beliau tetapi pemimpin sebelum beliau kerana ia pendekatan terbaik untuk memastikan rakyat terus berasa lega, aman dan selamat.

Abdullah menjelaskan perkara ini ketika berucap menyampaikan watakah perlantikan Panel Penasihat Perpaduan Negara dan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Negara Sesi 2007-2008 di Putrajaya, kelmarin.

Panel seramai 55 orang anggota terdiri daripada ahli politik, bekas ahli politik, bekas pegawai tinggi kerajaan, tokoh akademik, usahawan dan pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin pelajar itu akan bertindak sebagai forum untuk membincangkan isu perpaduan dan membuat perakuan kepada kerajaan untuk mengukuhkannya.

Beliau mengingatkan anggota panel berkenaan supaya sentiasa mempunyai sikap yang betul, jujur dan pragmatik.

"Sebarang masalah yang timbul juga tidak harus disembunyikan di bawah tikar. Yang penting sekali ialah, anda harus cintakan negara anda," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang gagal kerana wujudnya konflik perkauman. Untuk mengelakkan kemungkinan ini, rakyat Malaysia pelbagai kaum mesti sentiasa bersama dalam kegiatan harian mereka, mereka mesti bersama dalam politik, dalam kerajaan dan di sekolah seperti yang pernah dialami ketika negara mula-mula mencapai kemerdekaan dulu.

Sehari sebelum itu, ketika berucap merasmikan persidangan Meja Bulat Ahli

### INTI PATI

- Cabaran yang dihadapi kerajaan ialah untuk mencapai matlamat pengagihan ekonomi dengan cara yang paling mapan, berdaya saing dan bermakna.
- Selagi ketidakseimbangan ketara di kalangan kaum di negara ini masih wujud, maka selagi itulah perpaduan tulen dan berkekalan tidak akan dapat dicapai.
- Pelaksanaan pembangunan koridor adalah pendekatan yang diubah suai dari dasar DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Ekonomi dengan kerajaan di Kuala Lumpur, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan sedia mengkaji semula polisi atau peraturan yang diamalkan selama ini yang didapati tidak mencapai matlamat pengagihan ekonomi yang diharapkan.

Katanya, cabaran yang dihadapi kerajaan ialah untuk mencapai matlamat pengagihan dengan cara yang paling mapan, berdaya saing dan bermakna. Dalam hubungan ini, ramai ahli perniagaan menyifatkan pematuhan terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai kos tambahan untuk melakukan perniagaan. Pada masa sama, ramai juga yang turut gagal menghargai semangat di sebalik dasar itu.

Dua ucapan penting yang dibuat Perdana Menteri secara berturut-turut kepada dua kumpulan khlayak berbeza tetapi sama-sama berpengaruh ini harus dilihat oleh semua pihak sebagai isyarat jelas tentang hala tuju kerajaan beliau.

Kenyataan itu bukan saja penting tetapi tepat pada waktunya, terutama ketika negara sedang bersiap-siap untuk menyambut ulang tahun ke 50 kemerdekaan dan tatkala pelbagai pihak terus menerus mengeluarkan suara sumbang mempersoalkan pelbagai dasar negara yang telah dipersetujui bersama, diterima pakai dan dilaksanakan dengan jayanya selama ini.

Sebenarnya, sejak mengambil alih tam-

puk pemerintahan negara lebih tiga tahun lalu, Perdana Menteri berulang kali menegaskan bahawa beliau tidak berhasrat mengubah dasar negara atau merombak segala yang dilaksanakan oleh pemimpin sebelum beliau.

Apa yang kelihatan berbeza ialah dari segi keutamaan dan pendekatan yang mungkin terpaksa disesuaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan. Semua ini dijelaskan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang kini sedang rancak dilaksanakan.

Sebagai contoh, Misi Nasional yang digariskan dalam rancangan itu adalah sebahagian daripada strategi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020, selaras matlamat Wawasan 2020 yang diperkenalkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Antara lima teras utama Misi Nasional ialah untuk menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.

Adalah jelas bahawa kerajaan mengakui masih wujud ketidakseimbangan ekonomi di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini walaupun DEB yang bertujuan mengatasi masalah itu telah diperkenalkan lebih 37 tahun lalu.

Di samping perbezaan pendapatan yang masih ketara di kalangan kaum terbesar di negara ini, ada juga ketidakseimbangan yang masih luas antara bandar dan luar bandar serta antara wilayah dengan wilayah.

Strategi Perdana Menteri mengatasi masalah ini ialah menyebarkan faedah pembangunan ke kawasan luar bandar dan wilayah. Dengan itu konsep pembangunan koridor diperkenalkan. Setakat ini Koridor Pembangunan Selatan yang dikenali sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar telah pun dilancarkan.

Tiga lagi koridor pembangunan - Koridor Utara yang meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara, Pantai Timur yang merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang, Sabah dan Sarawak - akan dilancarkan dalam tempoh terdekat.

Pendekatan pembangunan ekonomi yang berkonsepkan wilayah dan dipelopori syarikat berkaitan kerajaan atau GLC ini adalah satu lagi contoh penyesuaian dari

segi pendekatan yang sering disebut-sebut tanpa menjejaskan matlamat asal dan semangat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Semua pihak akur bahawa selagi ketidakseimbangan ketara di kalangan kaum di negara ini masih wujud, maka selagi itulah perpaduan tulen dan berkekalan tidak akan dapat dicapai.

Oleh kerana dokumen RMK-9 sudah lebih setahun diumumkan dan program di bawah rancangan itu sedang rancak dilaksanakan, sepatutnya tidak ada pihak yang seolah-olah tidak faham mengenai tujuan kerajaan.

Di samping itu, seperti yang cuba dihuraikan dalam dua siri sebelum ini dalam ruangan ini, DEB sebagai sebuah dasar negara tidak ada cacat celanya. Malah ia berjaya membawa negara ke tahap pembangunan yang ada sekarang dan memberikan kemakmuran yang tidak pernah dimimpikan sebelum ini, terutama oleh golongan yang sebelum merdeka hidup di bawah paras kemiskinan.

Oleh itu, tidak ada sebab bagi mana-mana pihak terus menerus mempertikainya seolah-olah mahu mengambil kesempatan daripada sikap keterbukaan yang diamalkan sekarang. Ada juga pihak yang menggunakan isu DEB ini untuk kepentingan politik kepartian yang sempit tanpa menghiraukan implikasi buruk yang mungkin timbul daripada tindakan mereka itu.

Seperti yang ditekankan Perdana Menteri, beliau mahu melihat Malaysia terus maju dan makmur, membolehkan generasi akan datang merayakan ulang tahun ke-100 kelahiran negara. Hasrat itu sebenarnya bukan untuk Abdullah seorang, tetapi hasrat majoriti rakyat negara ini.

Bergerak ke hadapan untuk mencapai cita-cita itu adalah tanggungjawab setiap rakyat memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada Perdana Menteri dan kerajaan beliau membuktikan kemampuan mereka menunaikan janji yang telah mereka berikan. Polemik terus menerus mengenai perkara yang sudah basi tidak akan mendatangkan faedah kepada sesiapa.

**Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara.**